

# ANTUN SEKSUAL

JANGAN AMBIL MUDAH

Antun seksual, seperti yang diterangkan oleh Zainal Rashid dan rakan-rakan (2018), merupakan teknik manipulasi yang digunakan oleh penjenayah seksual untuk membina hubungan kepercayaan dengan kanak-kanak atau remaja yang bertujuan untuk mengeksploitasi mereka secara seksual.

Dalam konteks ini, penjenayah menggunakan pelbagai strategi untuk mengawal dan memanipulasi mangsa. Yang berikut merupakan teknik utama yang digunakan:

## 1. Memberikan perhatian berlebihan

Penjenayah memberikan perhatian yang tidak wajar dan berlebihan kepada mangsa. Hal ini boleh berlaku dalam bentuk pujian, perhatian khusus atau memberikan tumpuan yang lebih kepada keperluan dan kehendak mangsa. Tujuan utama perbuatan tersebut adalah untuk menarik perhatian mangsa dan mencipta rasa selesa yang boleh membawa kepada kepercayaan penuh terhadap penjenayah.

## 2. Memberikan hadiah

Satu daripada teknik yang digunakan adalah menerusi pemberian hadiah atau benda yang menarik minat mangsa seperti barang yang diinginkan atau pengalaman istimewa. Tindakan tersebut bertujuan untuk mengukuhkan hubungan dan membina rasa terhutang budi kepada mangsa. Penjenayah mungkin juga menggunakan hadiah sebagai "ganjaran" untuk kelakuan tertentu yang mereka inginkan.

## 3. Memberikan sokongan emosi

Penjenayah sering kali menawarkan sokongan emosi kepada mangsa, terutamanya jika mangsa sedang melalui waktu sukar. Penjenayah ini mungkin berperanan sebagai teman atau kaunselor yang memberikan nasihat dan empati. Dengan cara ini, mangsa mula bergantung pada penjenayah dan berasakan hubungan tersebut sebagai penting dan selamat.



National Society for the Prevention of Cruelty to Children (NSPCC)

Matlamat utama teknik antun seksual adalah untuk mengubah persepsi mangsa terhadap apa-apa yang dianggap sebagai batasan sosial dan seksual. Dalam senario ini, penjenayah tidak hanya berusaha membina hubungan, malah mereka juga memperkenalkan idea yang salah mengenai apa-apa yang boleh diterima dalam hubungan antara individu. Mereka menggambarkan hubungan yang sepatutnya sihat dan penuh batasan sebagai sesuatu yang kabur dan tidak terikat oleh norma sosial.

Menerusi cara yang halus dan perlahan, penjenayah mengubah pemahaman mangsa tentang hubungan. Melalui perhatian yang berlebihan, hadiah dan sokongan emosi, mangsa mula berasa dilayan dengan cara yang berbeza. Perasaan dihargai dan diberikan keutamaan ini membuatkan mereka semakin bergantung pada penjenayah, seolah-olah individu tersebut adalah satu-satunya tempat untuk mendapatkan perhatian dan kasih sayang.

Penjenayah memanipulasi emosi mangsa, menjadikan mereka terpedaya bahawa tingkah laku yang bertentangan dengan norma dan sempadan sosial adalah sesuatu yang boleh diterima, bahkan dianggap "istimewa" atau "unik." Mangsa, dalam keadaan keliru dan tidak memahami sepenuhnya kesan yang akan timbul, akhirnya terperangkap dalam jalinan hubungan tersebut.

Dalam kebanyakan kes, penjenayah berjaya menanamkan kepercayaan bahawa tiada yang salah

## Proses manipulasi atau pendekatan ini lazimnya dilakukan oleh individu dewasa untuk membina hubungan yang dipercayai dengan seorang kanak-kanak atau remaja, dengan tujuan untuk mempersiapkan mereka secara psikologi untuk tujuan eksploitasi seksual.

dengan tingkah laku mereka, dan bahawa tindakan tersebut ialah tanda kasih sayang atau perhatian.

Keterlibatan mangsa dalam hubungan yang sudah melanggar sempadan ini menjadikan mereka lebih mudah dimanipulasikan. Mereka tidak lagi melihat batasan seksual dan sosial dengan cara yang jelas, malah semakin membenarkan penjenayah untuk mengambil kesempatan tanpa sebarang perasaan curiga. Penjenayah, dengan setiap langkah yang diambil, terus mengeksploitasi mangsa, menjadikan mereka lebih terperangkap dalam dunia yang penuh dengan keraguan dan ketidakpastian. Tanpa disedari, mangsa semakin jauh daripada perlindungan masyarakat, terjebak dalam manipulasi yang sulit untuk dihentikan kerana mereka percaya bahawa apa-apa yang berlaku adalah sesuatu yang wajar dan biasa.

Antun seksual merupakan isu yang sangat serius. Oleh itu, langkah pencegahan serta kesedaran mengenai hal ini adalah sangat penting dalam melindungi kanak-kanak daripada menjadi mangsa. Proses manipulasi atau pendekatan ini lazimnya dilakukan oleh individu dewasa untuk membina hubungan

yang dipercayai dengan seorang kanak-kanak atau remaja, dengan tujuan untuk mempersiapkan mereka secara psikologi untuk tujuan eksploitasi seksual. Antun seksual sering melibatkan tindakan seperti memberikan perhatian yang berlebihan, memberikan hadiah, memperkenalkan kanak-kanak kepada perbualan seksual dan membina kepercayaan. Biasanya, antun seksual berlaku secara berperingkat yang bertujuan untuk mengelakkan kecurigaan, sehingga akhirnya pemangsa tersebut boleh mengeksploitasi mangsa secara seksual.

Proses ini boleh berlaku dalam pelbagai bentuk, termasuklah secara dalam talian atau fizikal dan melibatkan penyalahgunaan kuasa atau kedudukan oleh individu yang lebih tua atau lebih berpengaruh. Perbuatan tersebut adalah tindakan yang sangat berbahaya dan boleh memberikan kesan jangka panjang kepada mangsa dari segi emosi, psikologi dan fizikal.

Sementara itu, National Society for the Prevention of Cruelty to Children (NSPCC) merupakan sebuah badan amal terkemuka di United Kingdom yang memberikan tumpuan



Pendidikan awal mengenai tingkah laku yang sesuai dan tidak sesuai adalah penting untuk melindungi kanak-kanak daripada menjadi mangsa antun seksual.

## Kanak-kanak perlu diajar bahawa mereka mempunyai hak terhadap tubuh sendiri. Hal ini termasuklah mengenal pasti dan mempertahankan batasan peribadi.

kepada perlindungan kanak-kanak dan mencegah segala bentuk penyalahgunaan, termasuklah antun seksual. Menerusi laman web, NSPCC menyediakan panduan yang sangat terperinci mengenai fenomena antun seksual, memberikan pemahaman yang lebih jelas mengenai cara berlaku, tanda-tanda yang perlu diperhatikan serta langkah yang perlu diambil untuk melindungi kanak-kanak daripada menjadi mangsa. Yang berikut merupakan panduan dan langkah pencegahan perbuatan antun seksual:

### 1. Pendidikan kepada kanak-kanak

Pendidikan awal mengenai tingkah laku yang sesuai dan tidak sesuai adalah penting untuk melindungi kanak-kanak daripada menjadi mangsa antun seksual. Dengan memberikan mereka pengetahuan tentang apa-apa yang boleh dan tidak boleh diterima dalam interaksi sosial, kanak-kanak akan lebih mampu mengenal pasti situasi yang berbahaya dan melindungi diri mereka. Beberapa aspek penting dalam pendidikan ini adalah seperti yang berikut:

#### a. Batasan peribadi

Kanak-kanak perlu diajar bahawa mereka mempunyai hak terhadap tubuh sendiri. Hal ini termasuklah mengenal pasti dan mempertahankan batasan peribadi. Kanak-kanak perlu diberitahu bahawa mereka berhak menolak sentuhan yang tidak diingini dan bahawa sentuhan yang melibatkan kawasan peribadi (seperti bahagian tubuh yang dilindungi oleh pakaian) hanya boleh dilakukan oleh orang dewasa yang memberikan penjagaan (seperti ibu bapa, pengasuh atau doktor) dalam situasi yang betul dan atas keperluan.

#### b. Tingkah laku yang mencurigakan

Kanak-kanak perlu dilatih untuk mengenal pasti tingkah laku yang tidak sesuai daripada orang dewasa atau rakan sebaya. Hal ini termasuklah mengajar mereka untuk berwaspada terhadap individu yang memberikan perhatian berlebihan, memberikan hadiah tanpa sebab yang jelas, atau cuba membina hubungan secara berlebihan yang memisahkan mereka daripada keluarga atau rakan-rakan.

Kanak-kanak juga harus diajar bahawa mereka boleh menolak apa-apa bentuk komunikasi atau tindakan yang membuatkan mereka berasa tidak selesa, tanpa rasa takut atau bersalah. Pemahaman ini akan memberikan kekuatan untuk bertindak jika berada dalam situasi yang mencurigakan.

### 2. Komunikasi terbuka

Komunikasi yang terbuka dan tanpa rasa takut antara kanak-kanak dengan orang dewasa sangat penting untuk memastikan keselamatan mereka. Kanak-kanak perlu berasa selesa untuk meluahkan perasaan dan pengalaman tanpa berasa takut akan dihukum atau tidak dipercayai.

#### a. Membina kepercayaan

Ibu bapa dan penjaga perlu bekerja keras untuk membina hubungan yang penuh dengan kepercayaan dan sokongan. Kanak-kanak harus tahu bahawa mereka boleh berbincang mengenai sebarang perkara tanpa rasa bimbang tentang akibatnya. Sebagai contoh, kanak-kanak perlu diberitahu bahawa mereka boleh bercakap tentang pengalaman yang tidak menyenangkan atau seseorang yang membuatkan mereka berasa tidak selamat, dan bahawa mereka tidak akan dipersalahkan atau dihukum kerana melaporkan kejadian tersebut.



**b. Saluran komunikasi yang mudah diakses:**

Saluran komunikasi ini boleh terdiri daripada sesi perbincangan secara terbuka dengan anak-anak mengenai apa-apa yang dilakukan, siapa-siapa yang mereka temui dan bagaimanakah perasaan mereka tentang hubungan dengan orang lain. Menyediakan waktu berkualiti untuk berbincang dengan anak-anak secara teratur juga penting agar mereka boleh berkongsi apa-apa perkara yang mengganggu fikiran termasuklah kejadian antun seksual.

**c. Dengar tanpa menilai:**

Penting untuk orang dewasa menjadi pendengar yang baik, memberikan perhatian sepenuhnya dan menghormati perasaan kanak-kanak. Apabila kanak-kanak menceritakan kejadian atau perasaan mereka, orang dewasa perlu menunjukkan sikap empati, bukan menghakimi atau menyalahkan mereka.

**3. Pantau aktiviti dalam talian:**

Kanak-kanak semakin terdedah kepada risiko antun seksual dalam talian kerana penggunaan media sosial yang semakin meluas. Oleh itu, ibu bapa dan penjaga perlu lebih peka terhadap penggunaan Internet oleh anak-anak.

**a. Kenali platform media sosial:**

Penting bagi ibu bapa untuk memahami platform media sosial dan aplikasi yang digunakan oleh anak-anak. Dengan mengikuti perkembangan aplikasi dan permainan dalam talian yang semakin popular, ibu bapa dapat mengenal pasti risiko yang mungkin terdapat dalam aplikasi tersebut, termasuklah peluang untuk berhubung dengan orang asing yang berpotensi berbahaya.

Ibu bapa harus berbincang dengan anak-anak tentang platform yang digunakan, termasuklah peraturan penggunaan dan risiko yang mungkin timbul daripada berhubung dengan orang asing.



**Kanak-kanak perlu dilatih untuk mengenal pasti tingkah laku yang tidak sesuai daripada orang dewasa atau rakan sebaya.**

Penggunaan aplikasi dan media sosial perlu dibincangkan dalam konteks yang terbuka sambil membimbing anak-anak tentang bahaya berinteraksi dengan individu yang tidak dikenali.

**b. Kawal penggunaan media sosial:**

Menerapkan sekatan atau kawalan terhadap penggunaan media sosial merupakan langkah penting untuk melindungi kanak-kanak daripada antun seksual. Hal ini boleh melibatkan tindakan seperti yang berikut:

- **Pengawasan akaun media sosial:**

Ibu bapa perlu memastikan bahawa anak-anak mempunyai akaun media sosial yang terhad dan diawasi. Mereka boleh memeriksa aktiviti dalam talian anak-anak secara berkala untuk memastikan mereka tidak terlibat dalam interaksi yang tidak sesuai.

- **Hindari perbualan dengan orang asing:**

Satu daripada langkah penting adalah memastikan bahawa anak-anak hanya berhubung dengan orang yang dikenali dan percaya. Sebagai contoh, ibu bapa boleh mengaturkan agar anak-anak hanya menerima permintaan rakan daripada orang yang dikenali secara langsung.

- **Perisian penapisan dan pemantauan:**

Terdapat pelbagai perisian keselamatan dan pemantauan yang boleh dipasang pada

peranti anak-anak untuk menapis kandungan yang tidak sesuai dan memantau perbualan dalam talian mereka. Perisian ini boleh digunakan untuk menandakan dan menghalang interaksi dengan orang asing yang berpotensi berbahaya.

**c. Cakna tentang bahaya dalam talian:**

Kanak-kanak perlu diberikan pendidikan tentang kaedah berinteraksi dengan selamat dalam dunia maya. Hal ini termasuklah mengajar mereka bahawa tidak semua orang yang dikenali secara dalam talian boleh dipercayai dan mereka harus berhati-hati berkongsi maklumat peribadi. Satu perkara yang tidak kurang penting adalah mengelakkan untuk berkongsi gambar, lokasi atau butiran keluarga secara terbuka dalam Internet.

Kejadian antun seksual ini boleh dicegah dengan menggalakkan komunikasi terbuka, memberikan pendidikan yang tepat tentang tingkah laku yang sesuai serta memantau aktiviti dalam talian. Melalui pemahaman yang mendalam, sokongan berterusan dan langkah-langkah pengawasan yang bijak, kanak-kanak dapat dibekalkan dengan kemahiran yang diperlukan untuk menghindari situasi berbahaya dan berasa selamat untuk berbicara mengenai sebarang perasaan atau pengalaman yang dihadapi. ●